

## MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia - Company No. 524989-M)

Berita Harian - 2 December, 2014 ( C )

# Kategori anugerah MSWG bertambah

» Acara Indeks dan Penemuan Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN 9 Disember

Oleh Nurhayati Abillah  
nurhayatiabillah@bh.com.my

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd atau (MSWG) menganjurkan acara tahunan Indeks dan Penemuan Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN 2014 Malaysia pada 9 Disember ini.

Majlis yang diadakan di Pusat Konvensyen Sime Darby itu bertujuan mengiktiraf syarikat tersenarai teratas di Malaysia yang menunjukkan pencapaian dalam amalan tadbir urus korporat berdasarkan penilaian menggunakan metodologi skordad Tadbir Urus Korporat ASEAN.

MSWG dalam kenyataannya berkata, pada tahun ini, pengiktirafan turut diberi kepada individu dalam kalangan rantau ASEAN yang memberi sumbangan besar mempromosikan tadbir urus dan hak pemegang saham minoriti di negara belia.

"Selain itu, pengiktirafan juga akan diberikan kepada syarikat yang mempraktik dan mempromosikan ketelusan melalui penzahiran minit mesyuarat agung tahunan (AGM) serta memuat naik memorandum dan artikel syarikat dalam laman web syarikat.

### Calak amalan terbaik

"Anugerah juga akan diberi kepada pengerusi dan ketua pegawai eksekutif yang menjadi contoh dalam menggalakkan amalan terbaik tadbir urus korporat, termasuk dalam konteks lebih besar melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam syarikat mereka," katanya.

Penganjuran itu dijangka dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang akan menyampaikan ucapan dan menyampaikan anugerah pengiktirafan kepada pemenang.

Penganjuran ini yang membabitkan enam negara ASEAN iaitu Malaysia, Thailand, Indonesia, Singapura, Filipina dan Vietnam itu turut memberi pengiktirafan kepada penulis yang banyak menghasilkan karya berkualiti dalam bidang tadbir urus korporat di Malaysia.

Bagi tahun ini, MSWG menilai 873 syarikat tersenarai awam, tidak termasuk syarikat baharu disenaraikan yang belum menerbitkan Laporan Tahunan, syarikat yang diklasifikasikan di bawah Nota Amalan 17 (PN17) Nota Panduan 3 (GN3) dan syarikat yang dinyahsenaraikan atau diswastakan pada tahun ini.

### 100 syarikat tersenarai

Bagaimanapun, indeks tadbir urus yang akan diumumkan akan mengenal pasti 100 syarikat tersenarai awam teratas di Malaysia. Semua syarikat itu sudah melalui proses penapisan dengan purata pulangan atas ekuiti bagi tiga tahun sekurang-kurangnya tiga peratus.

Menurut kenyataan itu lagi, menerusi pengiktirafan berkenaan diharap merangsang lebih banyak syarikat untuk terus meningkatkan amalan tadbir urus korporat masing-masing.

"Komunikasi mengenai amalan positif itu kepada pasaran dijangka akan menjadikan pelanggan, kakitangan dan ejen dalam sistem sosio ekonomi lebih berpuas hati serta setia yang akhirnya memberi manfaat kepada syarikat itu sendiri serta pemegang saham mereka," katanya.

Antara anugerah yang akan disampaikan mengikut kategori ialah Pengiktirafan Tadbir Urus Korporat Terbaik, AGM Paling Segera, Pengiktirafan Ketelusan Terbaik, Kendalian AGM Terbaik dan Pengiktirafan Badan Pemantau Pelabur.



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP  
BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD  
(Incorporated in Malaysia - Company No. 524989-M)

"  
Pengiktirafan turut diberi kepada individu yang mempromosikan tadbir urus dan hak pemegang saham minoriti di negaranya"

"  
Syarikat praktikal dan promosi ketelusan melalui penzahiran minit AGM serta memuat naik artikel syarikat dalam laman web syarikat juga diiktiraf"

### INFO

#### Latar belakang

INISIATIF FORUM PASARAN MODAL ASEAN	OBJEKTIF	NEGARA YANG TERLIBAT
Skordad mula diperkenalkan pada tahun 2011	Mempamerkan syarikat tersenarai ASEAN yang ditadbir baik	Malaysia
Disokong oleh badan kawal selia negara-negara ASEAN dan diterajui oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	Meningkatkan standard & amalan tadbir urus korporat syarikat tersenarai ASEAN	Thailand
Badan penarafan domestik ditantik	Mempromosikan syarikat tersenarai ASEAN sebagai satu kelas aset	Indonesia
		Singapura
		Filipina
		Vietnam